

**Kaji Semula SOP Pengurusan Bantuan Perubatan Banjir - Puteri Umno
Bernama
Dec 28, 2014**

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Kerajaan disaran mengkaji semula Prosedur Operasi Standard (SOP) ketika banjir yang melibatkan aspek pengurusan bantuan perubatan dan rawatan kesihatan.

Ketua Puteri Umno Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata kajian itu juga perlu mengambil kira kaedah yang lebih sistematik dirangka sebagai persediaan menghadapi banjir di luar jangkaan.

Beliau turut mencadangkan semua klinik dan pusat kesihatan seluruh negara yang terletak di kawasan mudah dinaiki air perlu menambah bekalan ubat berkemungkinan dua kali ganda berbanding sebelum musim tengkujuh.

"Stok bekalan ubat-ubatan juga perlu mengambil kira penyakit bawaan air yang mungkin dihadapi oleh mangsa banjir dan dipastikan mencukupi," katanya dalam kenyataan, selepas lawatan banjir bersama anggota Puteri Umno di Kuala Krai, Kelantan pagi tadi.

Beliau berkata setiap klinik harus membuat persediaan dari segi logistik dan kemudahan lain termasuk memastikan generator berfungsi sekiranya bekalan elektrik terpaksa dipotong.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1096669>